

Golongan cari untung berlebihan didedah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, hari ini mendedahkan kegiatan pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan dari ketidak-stabilan harga getah untuk mencari keuntungan yang berlebihan.

Kegiatan spekulasi ini menyebabkan harga getah jatuh ke paras yang disengajakan.

Kegiatan mereka juga menyebabkan harga sekarang tidak mencerminkan permintaan sebenar bahan tersebut di pasaran antarabangsa.

"Kita mempunyai maklumat mengenai kegiatan ini dan saya difahamkan ada kalangan yang inginkan supaya harga getah terus menurun di bawah paras \$2 sekilo," jelasnya.

Bercakap kepada para pemberita selepas dikunjungi oleh wakil khas perdagangan Amerika Syarikat, Encik William Brock, di pejabatnya di sini, beliau memberitahu, kegiatan spekulasi itu menyebabkan harga getah jatuh secara 'paksaan'.

Menteri itu bagaimanapun berkata, langkah kerajaan meminda struktur cukai eksport dan mengurangkan jenis gred getah baru-baru ini bersebab.

Stok penimbal

Menurutnya, harga getah kini mulai pulih dan berada di paras antara \$2.30 hingga \$2.50 sekilo.

Datuk Leong memberitahu, kesediaan sektor swasta bersama-sama mencari jalan menstabilkan harga getah seperti menubuhkan stok penimbalnya sendiri akan dapat membantu meneguhkan pasaran bahan itu.

Dalam pertemuannya dengan Encik Brock, beliau menekankan bahawa kerajaan tidak campur tangan dengan pasaran getah dan ia dilakukan sendiri oleh sektor swasta.

Dalam pertemuan tersebut, kedua tokoh itu membincangkan masalah perdagangan dua hala terutama yang menyentuh soal-soal barangan utama.

Datuk Leong yakin Amerika Syarikat dengan dasar perdagangan barangan utama yang realistik dan liberal jika dibandingkan dengan negara-negara perusahaan lain akan tetap kekal menjadi pasaran terbesar kepada pasaran terbesar kepada barangan Malaysia.

Selain dari getah, mereka berdua juga menyetujui mengenai pasaran timah antarabangsa yang baru-baru ini menggugat perusahaan timah tempatan.

Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa besar dunia, kata Datuk Leong, seharusnya lebih berhati-hati dan bertimbang-rasa dalam memainkan peranannya sebagai salah sebuah negara pengguna timah terbesar.

Beliau berharap Amerika Syarikat akan memainkan peranan yang lebih positif dalam sesi Persidangan Timah Antarabangsa (PTA) akan datang.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan sama ada Amerika Syarikat bersedia mengambil bahagian dalam persidangan itu atau tidak tetapi semua negara pengeluar dan pengguna mempunyai waktu sehingga 30 April depan untuk menyatakan kesediaan mereka menyertai persidangan PTA yang ke-6 itu.

Datuk Leong berharap Amerika Syarikat memahami masalah negara-negara pengeluar timah dan tidak mengambil kesempatan sehingga boleh memusnahkan semangat kerjasama yang sedia ada antara negara-negara pengeluar dan pengguna.